

# KE MANA KITA HENDAK DIBAWA...?

## TAMSIL FIKAH DIBAWA BUKAN PADA TEMPATNYA

Harus bagi tiap-tiap seorang Muslimin sekarang teragak-agak atas kejayaan pertubuhan ulama yang bersendiri

sebagaimana yang telah saya adakan sambutannya di dalam keluaran Majalah Qalam yang lalu oleh kerana pengasasnya Tuan Haji Ahmad Fuad telah menulis suatu rencana di dalam akhbar Utusan Melayu pada 29 September 1951 bagi mempertahankan perdirian "IMP" dengan merencanakan bahawa tidak mustahak mempersoalkan bentuk dan corak Malaya merdeka dan meninggalkan soal azam dan ideologi sebelum kemerdekaan itu tercapai dan demikian juga adakah ia hijau atau merah, kuning atau putih – tinggalkan sahaja di belakang jangan difikir-fikirkan sebelum cita-cita yang muktamad itu didapati dengan membawa tamsil fikah dengan sifatnya seorang ahli fikah dengan berkata: "*man istiqlala syai'an qabla awanihi awaqibu biharmanihi*" – perbuatan bergopoh gopah melaksanakan sesuatu perkara yang belum sampai masanya itu berakibat meluputkan apa yang dikehendaki.

## JUGA JANGAN DIKELIRUKAN

(oleh Edrus)

Oleh kerana seorang ahli agama maka harus tulisannya itu nanti akan mempengaruhi orang ramai supaya mendapat banyak pengikut-pengikut daripada orang Islam, itulah sebabnya tulisannya tidak boleh dibiarkan begitu sahaja dan saya telah pun menulis sedikit berkenaan dengannya di dalam akhbar Utusan Melayu, tulisan yang mana belumlah boleh menerangkan lebih jelas bagaimana tanggungan seorang ulama di atas agamanya di dalam mana ulama itu disifatkan segala kata-katanya, "minta berlandasan melompat bertumpuan" yang harus pula mengelirukan orang ramai ataupun mempengaruhi orang ramai supaya mengikut fikirannya yang harus telah dipengaruhi oleh anasir yang hampir kepadanya sebagaimana yang telah biasa dilakukan untuk mempengaruhi kita, orang-orang ahli agama itu dijadikan bilal menyeru orang berhimpun kepada sesuatu golongan tetapi perhimpunan itu adalah perhimpunan yang bertopengkan agama bahkan membelakangkan hak-hak agama.

Tamsil fikah yang dibawa oleh Tuan Haji Fuad itu ialah sebahagian daripada tamsil yang dilakukan oleh ahli-ahli fikah atas membuat cuka, cuka itu asalnya daripada barangan suci dan kemudian didiamkan menjadi khamar dan

setelah menjadi khamar itu iapun berbalik menjadi suci semula iaitu menjadi cuka tetapi ia tidak boleh disegerakan menjadi cuka dengan di dalamnya dibubuh bawang atau batu oleh kerana cuka dengan dicampurkan benda-benda itu ia menjadi najis - binasa.

Jadi tamsil Tuan Haji Ahmad Fuad itu adalah tamsil yang bukan pada tempatnya bahkan tamsil yang terbalik oleh kerana kalau kita bandingkan bahawa asal negeri Melayu ini dipunyai oleh orang-orang Melayu dan sepatutnya kemerdekaan Melayu itu biarlah lambat mengikut masa-masanya yang boleh ia mengawal hak-haknya supaya menjadi halal atau suci – tidak untuk merebutkan kemerdekaan yang segera di dalamnya dicampur benda-benda lain yakni orang-orang dagang



*Tuan Haji Ahmad Fuad*

-----\*-----\*

Bersama-sama berhak di dalamnya sudah tentu akan menjadi binasa seperti keadaan cuka tadi – ini sudah tentu perbuatan yang binasa dan sudah tentu tamsil tuan Haji Ahmad Fuad itu adalah menjadi 'aks apa yang dikatakannya oleh kerana kita tidak akan mendapat cuka yang suci sekiranya dicampur dengan benda-benda yang lain yang menjadikan kebinasaannya – iktibarlah dengan tenang dan sabar.

Yang disayangkan sekali-sekali di atas langkah Tuan Haji Ahmad Fuad yang diharap-harap oleh orang Muslimin di Semenanjung Tanah Melayu ini akan memimpin dan akan meulukan mereka itu kepada jalan-jalan agama Allah – agama Islam yang mulia oleh kerana ia seorang yang termasuk di dalam lingkungan ulama telah menulis suatu rencana yang membelakangkan masalah dan kedudukan agama yang membelakangkan segala janji-janji yang dibuat oleh tiap-tiap orang Muslimin bahawa tidak ada yang lebih kepada mereka itu selain daripada mengorbankan segala-segalanya dengan ikhlas dan tidak berharap kepada sesuatu balasan hanya semata untuk Allah.

Tiap-tiap orang Muslimin, sebagai yang lazim pada mazhab Syafie berikrar selama lima kali satu hari - inna solati wanusuki wamahyaya wamamati lillahi rabbil alamin bahawasanya sembahyangku, pengorbananku, hidup dan matiku adalah untuk Allah Tuhan sekalian alam. Sebagaimana saya telah tulis, saya tersangat dukacita, sebagai saya tersangat dukacita, sebagai kedudukannya itu nampaknya pengakuan yang sedemikian itu hanya menjadi bacaan yang biasa sahaja, tidak menjadi pengakuan atas dirinya yang patut dijadikan contoh kepada kaum Muslimin yang kurang pengetahuannya di dalam perkara agama. Tidakkah kita, tiap-tiap seorang kita telah mengaku di hadapan Allah Subhanahu wa Taala selama lima kali sehari akan mengorbankan segala-galanya untuk agama?! Tidakkah kiranya kita akan menjadi seorang yang pendusta sekiranya kita membuat yang lain daripada apa yang kita telah ikuti? Sesungguhnya adalah sangat mendukacitakan kalau seorang yang terkemuka dan harap akan memandu umat Islam ke jalan pengajaran tempatnya telah pun membelakangkan pengajaran-pengajaran itu dan melebihi yang lain daripada yang sebenarnya

iaitu berkhidmat kepada agama Allah.

Harus ada orang akan mengatakan bahawa tulisan saya ini semata-mata mendatangkan tuduhan sahaja tetapi adalah apa yang saya sebut itu berasaskan kepada tulisan sendiri oleh kerana ia memandang kepada kulit jua, hijau itu tidak mesti dipertahankan dan menjadi masalah yang kedua. Pada hal segala tenaga, segala usaha dan segala-galanya hendaklah didirikan untuk agama bahkan seseorang itu adalah sangat-sangat tipis imannya, sangat-sangat kurang imannya kalau menegur atas sesuatu yang mungkar hanya dengan hatinya sahaja – ini menjadi buktinya bahawa sewajibnya bagi dirinya hendaklah mempunyai tugas yang tepat mendirikan kemuliaan kepada agama.

Tulisan saya ini tidak sekali-kali saya tujukan untuk melemahkan pendiriannya tetapi adalah semata-mata untuk berharap supaya ingatlah kepada tanggungannya dan perjanjiannya yakni perjanjian tiap-tiap orang Islam yang mudah-mudahan ia akan berbalik kepada yang benar dan maju ke tengah membawa umat Islam dengan keinsafan yang nyata untuk faedah umat Islam sendiri dan tidak ada semulia-mulia orang kalau ia segera insaf kepada sesuatu teguran dan harapan yang membawa kepada faedah bersama.

Kita kaum Muslimin hendaklah ingat bahawa selama sesudah perang ini tidak ada sebuah pun tempat tumpuan kita, tempat persatuan kita yang memikirkan hal ehwal dan masalah kita. Kita dari semasa ke semasa dalam Semenanjung Tanah Melayu ini adalah berpecah belah – nafsu nafsi dan orang-orang kebanyakan kita taat menunaikan perintah-perintah beribadat yang di dalamnya membawa pengakuan-pengakuan yang tersebut tadi, yang kerana kurang penerangan dan kurang penyelidikan dan kerana ulama-ulama kita sejuk dan beku, kerana ulama-ulama kita memikirkan nasibnya sendiri sahaja tidak bertanggungjawab maka itulah sebabnya umumnya yang terbanyaknya jika tidak semuanya kita lima kali sehari menjadi orang yang berdusta di hadapan Allah Subhanahu wa Taala memberi pengakuan yang bohong – tidak menunaikan janjinya bekerja memberi pengorbanan kepada agamanya dengan sepenuh-penuh makna dan tujuannya. Ingatlah

(sambungan pada muka 38)

(mengikut hukum Islam) jika ada satu kumpulan hendak mempersamakan hak politik, sosial dan iktisad Malaya dengan satu rupa bangsa yang bercampur itu?

Jawab: Mengikut hukum agama Islam bahawa mengadakan kebangsaan itu ditegah sebagaimana sabda nabi (SAW) (maksudnya): Bukan daripada golongan kita sesiapa yang mengajak orang-orang kepada kebangsaan. – riwayat Abu Daud. Suatu hadis yang sahih yang diriwayatkan oleh Muslim yang maksudnya: Barang siapa berperang di bawah bendera kesesatan iaitu ia marah kerana kebangsaan atau mengajak orang kepada kebangsaan atau menolong kebangsaan lalu ia terbunuh maka bangkainya itu ialah bangkai jahiliah.

Daripada dua hadis ini terang dan nyata bahawa kebangsaan yang bercampur nedemikian itu haram oleh kerana pengajaran Islam adalah menghendaki persatuan dan persaudaraan sesama Islam dengan memberi kehormatan kepada lain-lain orang yang bukan daripada Islam dengan ini nyata bahawa langkah kumpulan itu adalah ditegah oleh agama, (lebih jauh baca Qalam bilangan 15 di bawah tajuk Islam Siasah dan Kebangsaan).

-----\*-----\*-----

Abas bin Ismail, Kuala Nibong Tebal, Seberang Prai  
bertanya: Apakah yang patut kita buat pada masa sekarang – menuntut ilmu bagi kemerdekaan atau pun menuntut ilmu untuk bekerja kepada amal yang soleh?

Jawab: Amal yang soleh, amal yang soleh itu bukannya sebagaimana sangkaan setengah-setengah orang iaitu hanya menjalankan ibadat, duduk bertasbih siang dan malam sahaja tetapi amal yang soleh itu ialah taat kepada perintah-perintah Allah dan sunnah Rasul-Nya dan menjauhi segala pekerjaan-pekerjaan yang mungkar dan ditegah yang didalamnya terkandung bahawa tiap-tiap seorang kita berkewajipan untuk menyelenggarakan dan memimpin tiap-tiap umat. Jika tuan menuntut di dalam amal yang soleh dan mengerjakan amal yang soleh maka bermakna tuan meletakkan diri tuan merdeka – tidak di bawah sesiapa hanya takluk dibawah perintah Allah sebagaimana tuan bebas keluar daripada perut ibu tuan begitulah tuan

mengerjakan amal yang soleh itu.

-----\*-----\*-----

Ramlan bin Haji Yunus, Sungai Chua Rawang, Selangor  
bertanya: Apakah sebabnya batal wuduk bersentuh kulit isteri kita sendiri padahal kita sudah kahwin?

Jawab: Menurut ketetapan pada mazhab Syafie batal air sembahyang apabila bersentuh dengan isteri. Tetapi sebahagian ulama berpendapat tidak batal oleh kerana hadis Rasulullah (SAW) yang diriwayatkan daripada Siti Aisyah yang berkata (maksudnya) bahawa nabi (SAW) telah pernah mencium isterinya kemudian ia sembahyang padahal ia tidak berwuduk (lagi).- Riwayat Abu Daud. Hadis ini sungguhpun lemah tetapi kata ulama hadis, kerana ada beberapa cabang riwayatnya daripada Siti Aisyah maka kelemahan itu hilang. Hafiz bin Hajar berkata bahawa hadis itu diriwayatkan orang atas sepuluh rupa.

Ada satu lagi riwayat (maksudnya) Aisyah telah berkata pada suatu malam saya kehilangan Rasulullah (SAW) daripada tempat tidur lalu saya meraba dia (dalam gelap) maka terletaklah dua tangan saya pada dua tapak kakinya yang tercacak sedang ia di dalam sujud – hadis sahih riwayat Muslim. Ada beberapa hadis lagi yang sama maksudnya dengan hadis yang tersebut ini.

Masalah ini adalah masalah khilafiah tetapi, menurut faham kita tidak batal wuduk bersentuh di antara suami dengan isteri.

---

(sambungan dari muka 8)

Sekiranya kita menjadi orang yang pendusta dan pembohong maka selama itulah kedudukan kita sentiasa dipijak orang, kedudukan kita sentiasa berharap kepada belas kasihan orang dan sendi masyarakat kita sentiasa kucar-kacir yang miskin merana, yang berharta lupa kepada daratan dan ulama asyik memegang tasbih tidak mengendahkan hal kewajipan masing-masing yang sebagai asas kepada sendi masyarakat kita. Hal ini lebih-lebih lagi kalau sekiranya ada di antara kita yang mau dijadikan orang perkakas yang dibelakangnya megah berdiri anasir-anasir yang dari semasa ke semasa membenci dan mengecil-ngecilkan agama dan menopengkan agama adanya.